



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, Khamis 10 Oktober 2024.

Untuk Terbitan Media

10 Oktober 2024

## SIARAN MEDIA

### **PERKESO PERKUKUHKAN PENYALURAN FAEDAH PEKERJA ASING MELALUI KERJASAMA STRATEGIK DENGAN PENGENALAN ACARE SIM CARD**

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) terus memperkuuh penyaluran faedah kepada pekerja asing yang mencarum menerusi kerjasama strategik bersama Merchantrade Platform dan iKenanga Lifelines Sdn Bhd.

Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal memberitahu kerjasama bersama iKenanga Lifelines Sdn Bhd membolehkan pekerja asing yang melanggan *ACARE SIM card* dari 15 buah negara yang dikategorikan sebagai 'unfit to work' boleh menerima perkhidmatan penghantaran pulang percuma sekiranya menghadap masalah kesihatan serius yang memerlukan mereka pulang ke negara asal.

"Inisiatif ini dapat meringankan beban majikan dalam urusan penghantaran pulang pekerja asing ke negara asal sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini, di samping memudahkan penyaluran faedah PERKESO kepada pekerja asing walaupun mereka berada di luar Malaysia.

"Sementara itu, menerusi platform Merchantrade pula ia berupaya memudahkan pekerja asing untuk menerima dan menyemak bayaran faedah secara terus, sama ada ketika berada di Malaysia maupun selepas kembali ke negara asal. Inisiatif ini sekali gus membolehkan pembayaran faedah kepada pekerja asing dilaksanakan melalui platform Merchantrade," jelas Subahan lagi.

Terdahulu berkuat kuasa 1 Julai lalu, PERKESO telah memperluas perlindungan Skim Keilatan kepada pekerja asing, yang dilihat signifikan berikutan langkah proaktif PERKESO dalam usaha menjadi penyedia perlindungan keselamatan sosial yang lebih inklusif seiring tekad pertubuhan itu '*no one is left behind*'.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Majlis Makan Tengah Hari PERKESO yang diadakan bersama rakan strategik PERKESO iaitu wakil kedutaan negara sumber, kementerian, agensi kerajaan, dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Hotel Sheraton Imperial di ibu negara, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Untuk rekod, terdapat 2.18 juta pekerja asing aktif yang dilindungi oleh PERKESO, setakat 31 Ogos lalu, 43,067 penerima faedah berkaitan kes bencana kerja dilaporkan menerima bayaran manfaat keselamatan sosial yang dibayar kepada pekerja asing dan waris menjangkau RM102.5 juta bagi tempoh sama.

## **Tamat**

###

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**10 Oktober 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

**[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)**